

Headline	Teknologi tempatan berkualiti, murah - MIMOS	Language	Malay
Date	05 Mar 2011	Page No	5
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	168 cm²
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Journalist	N/A	ADValue	2,189
Frequency	Daily	PRValue	6,567
Circ / Read	197,952 / 833,287		



Teknologi tempatan berkualiti, murah - MIMOS

PUTRAJAYA 4 Mac – Syarikat-syarikat tempatan tidak perlu lagi bergantung kepada teknologi asing yang jauh lebih mahal, sebaliknya boleh memilih teknologi yang dibangunkan oleh anak tempatan dengan harga yang lebih munasabah.

Pengerusi MIMOS Berhad (MIMOS), Datuk Suriah Abdul Rahman berkata, teknologi yang dibangunkan oleh anak-anak tempatan adalah ber-kualiti dan lebih baik berbanding teknologi asing.

“Sehingga kini, 25 syarikat tempatan

“Analisis psikometrik masih belum digunakan secara meluas di Malaysia. Ia menganalisis ujian psikologi dan penentuan nilai untuk memastikan skor yang diperoleh boleh dipercayai dan sah digunakan dalam memperbaiki prestasi seseorang,” jelas beliau.

Sementara itu, Presiden serta Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah berkata, agensi itu menyasarkan peningkatan bilangan harta intelek yang akan difaikkan kepada Patent Cooperation Treaty (PCT) pada tahun ini.

“Tahun lalu MIMOS merupakan pemohon tertinggi iaitu 49 peratus daripada keseluruhan permohonan yang dibuat oleh pembangun teknologi di negara ini,” katanya.

Menurutnya lagi, peningkatan bilangan harta intelek yang difaikkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) turut meletakkan MIMOS di tangga ke-186 dalam 1,000 senarai teratas pemohon PCT.

Beliau berkata, MIMOS merupakan satu-satunya organisasi dari Malaysia yang tersenarai dalam carta tersebut selain syarikat antarabangsa Fortune 500.

Abdul Wahab turut mengesahkan bahawa teknologi yang dihasilkan oleh MIMOS adalah lebih baik daripada teknologi asing dengan harga yang ditawarkan jauh lebih munasabah.

“Apa yang lebih membanggakan ialah pengguna dari negara yang dikatakan sebagai pencetus teknologi utama dunia iaitu India sebenarnya turut menggunakan teknologi yang dibangunkan oleh MIMOS,” katanya.

telah memeterai Perjanjian Pelesenan Teknologi (TLA) dengan MIMOS sebagai syarikat penerima teknologi.

“Sebagai sebuah agensi penyelidikan dan pembangunan (R&D), MIMOS berperanan membangunkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang kompetitif dan bertaraf global,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Sistem Pengurusan Pembelajaran Pintar Tutor (*Tutor iLMS*) iaitu projek kerjasama antara Perfisio Solutions Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh Utusan Melayu (Malaysia) Bhd., MIMOS dan Majlis Amanah Rakyat (Mara) di sini hari ini.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Suriah berkata, *iLMS* ialah teknologi pembelajaran berdasarkan semantik untuk mengaplikasi perisian pintar di bidang pembelajaran dan pembangunan termasuk analisis psikometrik.